

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JTW302 - Prinsip Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Senarai formula disediakan di muka surat 5.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

SOALAN 1 (20 markah)

Sumber modal bagi sesebuah syarikat senaraian awam boleh terdiri daripada terbitan saham biasa, terbitan saham keutamaan dan juga terbitan bon. Huraikan ciri-ciri bon dan juga saham keutamaan serta nyatakan kelebihan dan kekurangan masing-masing terhadap syarikat yang menerbitkannya.

SOALAN 2 (20 markah)

(a). Anda telah diberi 2 pilihan polisi pelaburan.

Polisi A: Anda akan menerima pembayaran ansuran tahunan sebanyak RM10,000 bermula 35 tahun daripada sekarang selama 10 tahun.

Polisi B: Anda akan menerima jumlah penuh sebanyak RM100,000 dalam tempoh 40 tahun daripada sekarang.

Andaikan kadar faedah ialah 6 peratus. Polisi manakah yang akan anda pilih?

(10 markah)

(b). Anda mempunyai RM1,500 untuk dilaburkan hari ini pada kadar 7% setahun secara pengkompaunan.

(i). Kira berapa banyak yang dapat anda kumpul pada akhir tahun ke-3 jika dikompaun dua kali setahun.

(4 markah)

(ii). Kira berapa banyak yang dapat anda kumpul pada akhir tahun ke-3 jika dikompaun setiap 3 bulan.

(4 markah)

(iii). Berdasarkan jawapan yang anda perolehi di bahagian (i) dan (ii), apakah yang dapat dirumuskan?

(2 markah)

...3/-

SOALAN 3 (20 markah)

- (a). Terangkan secara ringkas maksud keumpilan (*leverage*)?
(3 markah)
- (b). Terdapat **TIGA (3)** jenis keumpilan yang sering diguna oleh syarikat. Bincangkan kegunaannya.
(9 markah)
- (c). Wood Sdn. Bhd. mempunyai kos tetap sebanyak RM72,000, kos berubah adalah RM6.75 seunit dan harga jualan ialah RM9.75 seunit. Kira,
- (i). Titik pulang modal dalam unit.
(2 markah)
- (ii). Tahap keumpilan operasi (*degree of operating leverage*) dengan unit jualan berjumlah 25,000 dan 30,000.
(4 markah)
- (iii). Apa yang dapat anda simpulkan daripada jawapan (ii) di atas?
(2 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

Bon X mempunyai 10% kupon manakala bon Y memberikan 5% kupon. Kedua-duanya mempunyai tempoh matang 10 tahun. Hasil hingga tempoh matang (*yield to maturity*) bagi kedua-dua bon adalah 8%.

- (a). Jika kadar faedah tiba-tiba meningkat sebanyak 2%, berapa peratuskah perubahan harga bagi kedua-dua bon tersebut?
(8 markah)
- (b). Jika kadar faedah tiba-tiba jatuh sebanyak 2%, berapa peratuskah perubahan harga bagi kedua-dua bon tersebut?
(8 markah)
- (c). Bon manakah yang mempunyai risiko kadar faedah yang lebih tinggi? Kenapa?
(4 markah)

...4/-

SOALAN 5 (20 markah)

- (a). Encik Adam amat mengambil berat hal berkaitan pengurusan tunai syarikat. Secara purata, tempoh inventori ialah 90 hari. Akaun berhutang dikutip dalam masa 90 hari manakala akaun pemiutang dibayar dalam masa 60 hari. Jualan tahunan adalah RM14,000,000, kos barang jualan adalah RM9,500,000 dan belian adalah RM5,000,000. (Nota: Guna 365 hari setahun).
- (i). Kira Kitaran Operasi (OC). (3 markah)
- (ii). Kira Kitaran Penukaran Tunai (CCC). (3 markah)
- (iii). Apakah pandangan anda bagi mengurangkan kitaran penukaran tunai syarikat? (6 markah)
- (b). KTN Sdn. Bhd. membeli 200,000 unit komponen setiap tahun dengan harga RM50 seunit. Kos tetap adalah RM15 setiap pesanan dan kos penyelenggaraan (*carrying cost*) 30% daripada harga belian. Kira,
- (i). Kuantiti Pesanan Ekonomi (EOQ). (4 markah)
- (ii). Kuantiti Pesanan Ekonomi (EOQ) sekiranya tiada kos pesanan yang dikenakan. Apakah implikasi pada syarikat sekiranya terdapat penurunan pada kos pesanan? (4 markah)

...5/-

Formula

1. $FV_n = PV \times (1 + r)^n$

2. $PV = \frac{FV_n}{(1+r)^n}$

3. $FV_n = CF \times \left\{ \frac{[(1+r)^n - 1]}{r} \right\}$

4. $PV_n = \left(\frac{CF}{r} \right) \times \left[1 - \frac{1}{(1+r)^n} \right]$

5. $FV_n = CF \times \left\{ \frac{[(1+r)^n - 1]}{r} \right\} \times (1 + r)$

6. $PV_n = \left(\frac{CF}{r} \right) \times \left[1 - \frac{1}{(1+r)^n} \right] \times (1 + r)$

7. $FV_n = PV \times \left(1 + \frac{r}{m} \right)^{m \times n}$

8. $CF = FV_n \div \left\{ \frac{[(1+r)^n - 1]}{r} \right\}$

9. $CV_n = (PV \times r) \times \left[1 - \frac{1}{(1+r)^n} \right]$

10. $Q = \frac{FC}{P - VC}$

11. $DOL \text{ at base sales level } Q = \frac{Q \times (P - VC)}{Q \times (P - VC) - FC}$

12. $B_0 = I \times \left[\sum_{t=1}^n \frac{1}{(1+r_d)^t} \right] + M \times \left[\frac{1}{(1+r_d)^n} \right]$

13. $OC = AAI + ACP$

14. $CCC = OC - APP$

15. $EOQ = \sqrt{\frac{2 \times S \times O}{c}}$